

GLC berpotensi jimat RM9b

BH - 27/4/2006

Garis panduan diperkenalkan mampu wujudkan syarikat mapan dan cekap

Oleh Abdul Halim Yusoff
dan Rohaniza Idris

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata garis panduan proses pemerolehan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang diperkenalkan semalam, dijangka membolehkan 15 GLC utama mencatatkan penjimatan keseluruhan antara RM4 bilion hingga RM9 bilion setahun.

Perdana Menteri berkata, potensi bagi penjimatan kos adalah besar jika garis panduan itu dipatuhi sepenuhnya kerana perbelanjaan pemerolehan keseluruhan untuk barangan dan perkhidmatan 15 GLC berkenaan adalah lebih RM50 bilion setahun, atau 10 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Beliau berkata, pemerolehan adalah antara teras utama program transformasi GLC bagi mewujudkan syarikat yang mapan dan cekap.

"Garis panduan ini penting bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan dan membolehkan lebih banyak pihak terbabit dalam rangkaian pembekalan GLC," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Buku Hijau mengenai Keberkesanan Lembaga Pengarah dan Buku Merah mengenai Garis Panduan Pemerolehan dan Amalan Terbaik bagi GLC iaitu sebahagian usaha kerajaan melaksanakan transformasi di kalangan GLC.

GLC dijangka mengguna pakai amalan terbaik yang dicadangkan dalam Buku Merah itu menjelang hujung tahun ini.

Mereka perlu menyelesaikan penilaian mengenai garis panduan

yang itu dalam tempoh tiga hingga enam bulan ini.

Garis panduan itu akan membantu GLC memacu ke arah mewujudkan nilai lebih baik, mempertingkatkan ketelusan dan menghapuskan rasuah dan menambah baik peranan mereka untuk menyokong objektif pembangunan negara.


Perdana Menteri berkata, jika potensi penjimatan daripada proses pemerolehan yang lebih baik itu direalisasikan, tekanan bagi GLC untuk mengurangkan kakitangan atau langkah seumpamanya dapat dihapuskan.

"Sebaliknya, ia dapat dimanfaatkan untuk program pembangunan sumber manusia bagi mewujudkan asas pengetahuan dan kepakaran untuk daya saing masa depan," katanya.

Beliau berkata, garis panduan pemerolehan itu sejajar dengan objektif pembangunan nasional seperti yang dirangka dalam Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), yang antara lain berkehendakkan GLC mengatasi kemungkinan berlakunya salah guna kuasa dan rasuah dalam rangkaian pembekalan.

Abdullah berkata, oleh kerana Buku Merah memperjelaskan mengenai Amalan Korporat Terbaik, adalah menjadi harapan kerajaan agar garis panduan itu turut diguna pakai semua syarikat di Malaysia terutama syarikat senaraian awam.

Perdana Menteri berkata, proses transformasi GLC ialah program jangka sederhana dan panjang, yang mana inisiatif yang dilancarkan setakat ini membentuk asas kukuh untuk pertumbuhan masa depan, dan



PENUH MINAT: Urus setia Program Transformasi GLC, Stephanie Lau melihat Buku Hijau dan Merah yang dilancarkan Perdana Menteri, semalam.

bukannya hanya memfokus kepada hasil segera dalam tempoh jangka pendek.

Sementara itu, sebelum majlis pelancaran semalam, Perdana Menteri diberikan taklimat mengenai perkembangan terkini G15 oleh Jawatankuasa Putrajaya untuk Prestasi Tinggi GLC (PCG), badan yang memantau transformasi GLC.

PCG yang ditubuhkan pada Januari 2005, dipengerusikan Menteri Kewangan Kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan dianggotai lima ketua Syarikat Pelaburan Berkaitan Kera-

jaan (GLIC) iaitu Khazanah Nasional Bhd, Permodalan Nasional Bhd, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Amanah Tentera dan Lembaga Urusan Tabung Haji.

Dalam taklimat itu, Nor Mohamed berkata, sejak Buku Panduan Transformasi GLC dilancarkan Perdana Menteri sembilan bulan lalu, pelbagai inisiatif diperkenalkan termasuk pelancaran Buku Biru mengenai Pengurusan Prestasi dan pengumuman KPI oleh 15 GLC.

Sejak transformasi dilancarkan, 23 GLC yang termasuk dalam 100 kom-

ponen Indeks Komposit (IK) Bursa Malaysia telah mencatatkan pulangan keseluruhan pemegang saham (TSR) sebanyak 33.9 peratus dan mengatasi indeks keseluruhan sebanyak 11.2 peratus.

Pada sidang media kemudiannya, Nor Mohamed Yakcop berkata program transformasi itu untuk jangka panjang.

"Kita akan dapat melihat kemajuannya secara beransur dalam tempoh satu atau dua tahun. Kita semua sedang bergerak dan menjadi lebih baik setiap masa," katanya.